

SURAT AKUAN PELANTIKAN
***AHLI/PENGERUSI BAGI**
JAWATANKUASA PENILAIAN TEKNIKAL

Saya,^{Nama Penuh (HURUF BESAR)} dari^{Nama PTJ (HURUF BESAR)},
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisytiharkan
bahawa:

- i. Saya tidak akan melibatkan diri saya dalam mana-mana amalan rasuah dengan mana-mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam melaksanakan tanggungjawab saya sebagai *Ahli/Pengerusi **JAWATANKUASA PENILAIAN TEKNIKAL** dalam pelawaan **SEBUTHARGA PUSAT TANGGUNGJAWAB TAHUN**;
Tahun
- ii. Saya akan mengisytiharkan apa-apa kepentingan peribadi atau kepentingan terletak hak secara bertulis dan akan menarik diri daripada membuat sebarang keputusan;
- iii. Sekiranya ada sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694];
- iv. Saya tidak akan menggunakan kedudukan saya bagi faedah saya sendiri ataupun faedah ahli keluarga saya dan sekiranya terdapat sebarang percanggahan kepentingan semasa saya melaksanakan tugas, saya akan memaklumkan dengan segera kepada Pengerusi Jawatankuasa serta akan mengecualikan diri saya daripada turut sama membuat sebarang keputusan perolehan mahupun mempengaruhi sebarang keputusan;
- v. Saya mengakujaji bahawa saya akan bertanggungjawab terhadap sebarang tindakan dan keputusan saya dan akan sentiasa memastikan urus-tadbir baik dan segala proses perundangan berkaitan perolehan dipatuhi;
- vi. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan Kerajaan kepada mana-mana pihak selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88];
- vii. Saya dengan ini mengisytiharkan bahawa tiada mana-mana anggota atau ahli keluarga terdekat yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yang dikendalikan oleh saya; dan
- viii. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya melanggar mana-mana terma dalam Surat Akuan ini, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut Peraturan-Peraturan Tatatertib Badan-Badan Berkanun, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605).

Nama : _____
No. Kad Pengenalan : _____
Tandatangan : _____

Jawatan : _____
Kementerian/Jabatan : _____
Tarikh : _____

**SURAT AKUAN
SELESAI TUGAS *AHLI/PENGERUSI BAGI
JAWATANKUASA PENILAIAN TEKNIKAL**

Saya,
Nama Penuh (HURUF BESAR) dari
Nama PTJ (HURUF BESAR),
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisytiharkan
bahawa:

- i. Saya telah melaksanakan tugas sebagai *Ahli/Pengerusi **JAWATANKUASA PENILAIAN TEKNIKAL** bagi pelawaan seperti dilampirkan** tanpa mempunyai apa-apa kepentingan peribadi atau kepentingan terletak hak atau dipengaruhi oleh mana-mana pihak lain atau terlibat dalam apa-apa amalan rasuah atau ganjaran seperti ditafsirkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694];
- ii. Tiada mana-mana ahli keluarga atau saudara terdekat saya mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yang dikendalikan oleh saya;
- iii. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan ini kepada mana-mana pihak selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88];
- iv. Saya mengakujaji bahawa saya akan bertanggungjawab terhadap sebarang tindakan dan keputusan saya dan akan sentiasa memastikan urusan-tadbir baik dan segala proses perundangan berkaitan perolehan dipatuhi; dan
- v. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya melanggar mana-mana terma dalam Surat Akuan ini, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut Peraturan-Peraturan Tatatertib Badan-Badan Berkanun, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605).

Nama : _____
No. Kad Pengenalan : _____
Tandatangan : _____

Jawatan : _____
Kementerian/Jabatan : _____
Tarikh : _____